

PABM Piala Perdana Menteri 2014

Sally tepati ramalan muncul juara pidato kategori antarabangsa

KUALA LUMPUR 25 April - Peserta dari Australia, Sally Jane Hill, 25, menepati ramalan apabila dinobatkan sebagai juara kategori antarabangsa pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2014.

Dalam pertandingan akhir di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan

Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini malam ini, penuntut Universiti La Trobe, Melbourne, Australia itu mengalahkan empat lagi peserta yang bersaing dengannya.

Chen Nan dari China pula muncul naib johan manakala Aiman Saleh Hasn Alammari (Yemen) di

tempat ketiga selepas berjaya mengatas cabaran Bridget Johnson (Amerika Syarikat) dan Waleed Basil Mohammed Ali (Iraq).

Sementara itu, dominasi peserta Malaysia dalam kategori alam Melayu sejak PABM mula diperkenalkan pada 2007 berakhir selepas peserta Indonesia, Selamet Nur Anom menampilkan persem-

bahan bertenaga di pentas akhir untuk muncul juara.

Peserta pilihan dari Malaysia, Aiman Ariff Abdul Azij terpaksa berpuas hati selaku naib johan manakala Mahamat Yusoh (Thailand) di tempat ketiga.

Sally ketika ditemui melahirkan rasa terkejut kerana tidak menyangka akan terpilih sebagai juara

pertandingan itu.

“Saya gembira sekali dan terkejut saya menang. Saya mahu gunakan biasiswa yang diberikan oleh kerajaan Malaysia dengan sebaik mungkin,” katanya.

Selamet pula menyifatkan ke menangannya sebagai hadiah dari pada Allah SWT.

“Saya sangat bersyukur dan ke-

menangan ini merupakan satu hadiah agar saya lebih dekat dengan Allah SWT,” katanya.

Johan bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai RM23,100, Piala Perdana Menteri, piala iringan, hadiah dan sijil manakala naib johan pula membawa pulang hadiah wang tunai RM16,500, piala iringan, hadiah dan sijil.